

Kecerdasan Emosi dan Sikap Pembelajaran Pelajar Terhadap Pencapaian Kursus Tamadun Islam di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan

Nor Hayati Fatmi Talib
yati_6709@yahoo.com
Fakulti Pendidikan, UKM

Bani Hidayat Mohd Shafie
bani_3738@yahoo.com
Fakulti Pendidikan, UKM

Alias Mat Saad
alias@polipd.edu.my
Politeknik Port Dickson

Ab Halim Tamuri
Tamuri67@yahoo.com
Fakulti Pendidikan, UKM

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti profil kecerdasan emosi, sikap pembelajaran dan hubungan antara kecerdasan emosi dan sikap pembelajaran dengan pencapaian kursus Tamadun Islam dalam kalangan pelajar tahun akhir di Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Port Dickson. Seramai 80 daripada 473 orang pelajar tahun akhir di Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Port Dickson terlibat dalam kajian ini. Statistik deskriptif menggunakan peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk analisis taburan. Ujian t digunakan untuk melihat perbezaan manakala kolerasi Pearson untuk melihat hubungan antara pemboleh ubah kecerdasan emosi dan sikap pembelajaran dengan pencapaian kursus Tamadun Islam. Hasil kajian mendapati pelajar mempunyai tahap kecerdasan emosi dan sikap pembelajaran yang tinggi dan mencapai keputusan yang baik dalam kursus Tamadun Islam. Tiada perbezaan signifikan kecerdasan emosi dan sikap pembelajaran berdasarkan gender. Kajian ini juga mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dan sikap pembelajaran dengan pencapaian kursus Tamadun Islam.

Kata kunci: kecerdasan emosi, sikap pembelajaran, Tamadun Islam, pencapaian akademik.

ABSTRACT

This study aims to identify an emotional intelligence profile, learning attitude and the relationship between emotional intelligence and learning attitude with Islamic Civilization course achievement among final year students from Civil Engineering Department of Polytechnic Port Dickson, Negeri Sembilan. 80 out of 473 final year student were involved in this study. Descriptive statistics using percentage, mean, standard deviation was used for the distributional analysis. While the Pearson correlation used to look at the relationship between intelligence variables and the attitude of learning with Islamic Civilization course achievement. The results showed that the student who are the respondents of this study have high levels of emotional intelligence and the attitude of learning. Student overall achieved good result in Islamic Civilization course. There are no significant differences in emotional intelligence and learning attitude based on gender. The study also found that there is no

significant relationship between emotional intelligence and learning attitude with Islamic Civilization course achievement.

Keyword: *emotional intelligence, learning attitude, Islamic Civilization, academic achievement.*

PENDAHULUAN

Perkataan emosi berasal dari perkataan Greek iaitu 'emovere' bermaksud 'untuk keluar'. Emosi dizahirkan oleh manusia sebagai suatu bentuk tindakan yang memenuhi keinginan dan kepuasan diri, suatu keadaan di mana perasaan yang ditunjukkan pada proses fisiologi dan psikologi seseorang individu (Mohd Nazar, 1992). Kecerdasan emosi menurut Habibah dan Noran (1997) adalah merupakan suatu kebolehan menaakul dengan baik dan logik, kebolehan menyelesaikan masalah, kebolehan bertutur dengan lancar, kebolehan membaca dengan meluas, menguasai perbendaharaan kata dengan baik, kebolehan membaca dengan kefahaman, kebolehan menulis dengan baik, ingatan yang baik dan pengetahuan yang luas.

Mayer dan Cobb (2000) mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai kebolehan memproses maklumat berkaitan emosi dan mentakrifkannya sebagai persepsi, sikap, memendam perasaan dan juga pengurusan emosi. Sanitah dalam Mohd Azhar (2004) berpandangan kecerdasan emosi mempunyai peranan penting dalam bidang pendidikan, menjadi pendukung kepada kecerdasan intelek dan menjamin kualiti produk yang dihasilkan dalam setiap peringkat pendidikan sama ada kanak-kanak atau orang dewasa. Ahmad Shukri dalam Mohd Azhar (2004) meninjau sistem pendidikan di Malaysia berorientasikan akademik dan aspek teknikal yang bersifat logikal dan analitikal. Beliau berpandangan keadaan ini kurang sesuai dengan keperluan masa kini, individu yang mempunyai pencapaian yang cemerlang dalam akademik perlu juga mempunyai kecerdasan emosi untuk berjaya dalam kehidupan berkerjaya dan kehidupan peribadi. Ini disokong dengan pandangan Mayer et al (1999) menyatakan bahawa kecemerlangan individu bergantung pada kecerdasan emosinya.

Kajian ini mengupas kecerdasan emosi berdasarkan model Kecerdasan Emosi yang dikemukakan oleh Goleman (1995). Menurut beliau dalam mengharungi hidup ini, ketakutan, kerisauan mempengaruhi manusia dari hari ke hari. Individu yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi adalah seorang individu yang boleh mengawal perasaan dan tindakan sendiri, mempunyai daya ketahanan untuk mencapai matlamat hidup, boleh mengurus perasaan negatif serta mudah menjalin persahabatan dengan orang lain (Goleman, 1996). Perasaan atau emosi ini memainkan peranan yang penting dalam kesejahteraan, kebahagiaan dan kecemerlangan seseorang sama ada dalam kehidupannya secara personel ataupun secara profesional (Goleman, 1995; Prakas Rao, 2001)


Politeknik sebagai salah satu institusi pendidikan tinggi negara bertanggungjawab membentuk perkembangan pelajar selari dengan keperluan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pelajar perlu berkembang potensinya merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Perkembangan ini sesuai, selari dan amat penting kerana golongan pelajar ini pada kebiasaannya akan berada di peringkat terakhir pengajian mereka dan kembali kepada masyarakat, terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan, memulakan kehidupan berkerjaya, membina keluarga dan membentuk generasi berikutnya.

Kajian ini mempunyai empat objektif utama. Pertama, mengenal pasti profil responden dari segi jantina dan pencapaian kursus Tamadun Islam. Kedua, mengenal pasti profil tahap kecerdasan emosi dan tahap sikap pembelajaran pelajar tahun akhir di Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik

Port Dickson. Ketiga, melihat perbezaan profil kecerdasan emosi dan sikap pembelajaran pelajar tahun akhir di Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Port Dickson berdasarkan jantina. Akhir sekali, kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan antara kecerdasan emosi dan sikap pembelajaran pelajar tahun akhir di Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Port Dickson dengan pencapaian kursus Tamadun Islam.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini telah diadaptasi menggunakan model Kecerdasan Emosi yang dikemukakan oleh Goleman (1999), Noriah et al (2004) dan teori sikap Rosenberg dan Hovland (1960) seperti kerangka di bawah:




Rajah 1 Kerangka Konseptual Kajian

Goleman (1999) mencadangkan kecerdasan emosi dikaitkan dengan dua jenis kompetensi (kompetensi peribadi dan kompetensi sosial) dengan lima domain utama, iaitu:

1. Kesedaran Kendiri merupakan domain asas, iaitu kebolehan mengenal pasti, mengakui dan mengiktiraf perasaan dan memahami mengapa perasaan itu wujud membolehkannya bertindak balas dengan persekitaran dan membina makna hasil dari tindakan dan reaksi itu (Sanitan dalam Mohd Azhar, 2004).
2. Regulasi Kendiri bermaksud kebolehan seseorang untuk menilai keadaan dalaman, naluri dan sumber yang wujud dalam dirinya melalui lima sub domain iaitu kawalan sendiri, kebolehpercayaan, bertanggungjawab, kebolehubahsuaian dan inovatif (Noriah *et al.*, 2004).
3. Motivasi Kendiri merujuk kepada usaha dan daya ketahanan seseorang untuk mencapai matlamat hidup, kebolehan seseorang membina dorongan pencapaian yang tinggi, komitmen terhadap tugas, berinisiatif, optimistik dan berminat terhadap apa yang dilakukannya (Noriah *et al.*, 2004).
4. Empati bermaksud kebolehan menyedari dan memahami perasaan orang lain (Goleman 1995). Sifat empati membolehkan seseorang melihat atau memahami sudut pandangan orang lain dari perspektif mereka, boleh menyelami kepahitan, kesusahan, kekecewaan dan keraguan seseorang terhadap sesuatu perkara (Goleman 1999).
5. Kemahiran Sosial merupakan kemahiran mencetuskan respon yang sesuai dari orang lain yang dijelaskan melalui sub domain mempengaruhi, berkomunikasi, mengurus konflik, kepimpinan, pemangkin perubahan, membina hubungan, berkolaborasi dan bekerja sebagai satu pasukan (Noriah *et al.*, 2004).

Manakala sikap pembelajaran dalam kajian ini pula menggunakan teori sikap Rosenberg dan Hovland (1960) dalam Nur Ashiqin (2005) yang terdiri daripada tiga komponen seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.

Kajian ini merupakan kajian kes menggunakan pendekatan kuantitatif dengan metod tinjauan (survei). Responden kajian yang dipilih adalah 80 orang pelajar daripada 473 orang pelajar di Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Port Dickson. Instrumen yang digunakan adalah adaptasi Amira Shuhaida (2009) mengandungi 3 bahagian utama, iaitu Bahagian A (maklumat Demografi). Bahagian B (Kecerdasan Emosi) dan Bahagian C (Sikap Pembelajaran) yang menggunakan skala Likert 5 mata dalam menilai maklum balas responden kajian.



Sumber: Rosenberg dan Hovland (1960)

Rajah 2 Teori Sikap Rosenberg dan Hovland (1960)

Data dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)* versi 18.0. Data diuji nilai signifikannya pada satu tahap keertian yang ditetapkan ($p=0.05$) bagi mengurangkan risiko melakukan ralat sebagaimana yang dicadangkan oleh Cohen dan Cohen's (1975). Pekali alpha Koeffisien Cronbach digunakan diguna kan telah diklasifikasikan mengikut indeks kebolehpercayaan oleh Norizan (2003) dan Azhar (2006) seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Pekali alpha Koeffisien Cronbach

Indikator	Nilai Alpha Cronbach
Sangat Tinggi	> 0.90
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.30 – 0.69
Rendah	0.30

Hasil analisis kebolehpercayaan instrument ini secara keseluruhan adalah seperti berikut:

Jadual 2 Reliability Statistic

Pengukuran	Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
Kecerdasan Emosi	0.8054	0.8061	50
Sikap Pembelajaran	0.8429	0.8588	26

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk melaporkan dapatan kecerdasan emosi, menggunakan min, sisihan piawai dan peratus dan diinterpretasikan menggunakan nilai indeks kecerdasan emosi oleh Noriah dan Siti Rahayah (2005) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Interpretasi dan tahap nilai peratus EQ

Nilai Peratus EQ	Interpretasi
81%-100%	Trait kecerdasan emosi yang wujud dalam diri seseorang merupakan kekuatan bagi dirinya dan sepatutnya digunakan sepenuhnya.
61%-80%	Trait kecerdasan emosi yang perlu dicari dalam diri seseorang boleh menjadi kekuatan bagi dirinya, namun ia perlu dicari dalam diri individu tersebut.
41% - 60%	Trait kecerdasan emosi yang diperlukan dalam diri seseorang perlu dibina kerana kewujudannya adalah di tahap yang lemah
Kurang dari 40%	Trait kecerdasan emosi yang perlu ada dalam diri seseorang berada di tahap yang sangat lemah dan perlu dibina secepat mungkin.

Analisis statistik deskriptif juga digunakan untuk melaporkan dapatan dari segi sikap pembelajaran menggunakan min dan sisihan piawai. Min yang diperoleh ditafsirkan menggunakan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif yang dicadangkan oleh Sumarni (2000) dan Jamil (2002) seperti Jadual 4.

Jadual 4 Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan deskriptif statistic

Skor Min	Interpretasi
1.00– 2.33	Rendah
2.34– 3.66	Sederhana
3.67– 5.00	Tinggi

Sumber: Sumarni (2000) dan Jamil (2002)

Data juga akan dianalisis menggunakan kolerasi Pearson untuk menjelaskan arah dan magnitud hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji berdasarkan nilai pekali kolerasi (r) untuk melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji, sekiranya pekali kolerasi bernilai positif bermaksud hubungan berkadar terus antara pemboleh ubah yang dikaji dan sebaliknya (Mohd Majid 2005). Analisis data akan diinterpretasikan menggunakan anggaran kekuatan hubungan antara pemboleh ubah Joseph F. Healey *et al* (1997) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Kekuatan hubungan dan pekali korelasi

Kekuatan Hubungan	Pekali Korelasi
Lemah	Bawah 0.10
Sederhana	0.11– 0.30
Kuat	0.31ke atas

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian dibentangkan merangkumi aspek selari dengan objektif kajian dan dibincangkan dalam subtajuk berikut.

Profil Responden Kajian dari Segi Jantina dan Pencapaian Kursus Tamadun Islam

Jadual 6 menunjukkan komposisi dan perincian profil kecerdasan emosi responden yang terlibat dalam kajian ini dari segi jantina dan skor pencapaian. Seramai 39 orang (48.8%) responden adalah lelaki manakala 41 orang (51.3%) responden adalah perempuan. 17 orang (21.3%) responden mendapat skor A dalam kursus Tamadun Islam, 26 orang (32.5%) mendapat skor A-, 24 orang (30.0%) mendapat skor B+ dan 13 orang (16.2%) mendapat skor B dan ke bawah.

Jadual 6 Profil Responden Kajian

Kategori	Profil	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	39	48.8%
	Perempuan	41	51.3%
Skor Pencapaian Kursus Tamadun Islam	A	17	21.3%
	A-	26	32.5%
	B+	24	30.0%
	B ke bawah	13	16.2%

Profil Kecerdasan Emosi Responden Kajian

Dari segi kecerdasan emosi secara keseluruhan pula adalah seperti dalam Jadual 7. Secara keseluruhannya, dapat dilihat berdasarkan jadual di atas bahawa kecerdasan emosi kelima-lima domain responden yang terlibat dalam kajian ini adalah tinggi, ini menunjukkan bahawa kecerdasan emosi wujud dalam diri pelajar-pelajar ini dan merupakan kekuatan bagi mereka dan sepatutnya digunakan sepenuhnya. Data ini diinterpretasi menggunakan nilai indeks kecerdasan emosi oleh Noriah dan Siti Rahayah (2005).

Jadual 7 Profil Kecerdasan Emosi Responden kajian

Domain Kecerdasan Emosi	N	Min	Sisihan Piawai	Peratus
Dimensi Kesedaran Diri	80	4.1663	0.36628	83.33%
Dimensi Regulasi Kendiri	80	4.0763	0.34172	81.53%
Dimensi Motivasi Kendiri	80	4.0775	0.38582	81.55%
Dimensi Empati	80	4.1225	0.34640	82.45%
Dimensi Kemahiran Sosial	80	4.1703	0.37526	83.41%
Min Purata		4.1226		

Profil Sikap Pembelajaran Responden Kajian

Dari segi sikap pembelajaran pula, secara keseluruhan pula adalah seperti dalam Jadual 8. Secara keseluruhannya, dapat dilihat berdasarkan jadual 3 di atas bahawa sikap pembelajaran pelajar yang menjadi responden kajian ini bagi semua domain adalah tinggi. Skor min tertinggi adalah 4.1148 (SP:0.35186) bagi domain kognitif dan pengetahuan manakala skor min terendah adalah skor min 3.9050 (SP:0.57454) bagi domain tingkah laku.

Jadual 8 Profil Sikap Pembelajaran Responden Kajian

Domain Sikap Pembelajaran	N	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kognitif dan Pengetahuan	80	4.1148	0.35186	Tinggi
Efektif dan Perasaan	80	4.0525	0.37178	Tinggi
Tingkah laku	80	3.9050	0.57454	Tinggi
Min Purata		4.0241		Tinggi

Perbezaan Profil Kecerdasan Emosi Responden Kajian Berdasarkan Jantina

Dari segi kecerdasan emosi pelajar yang menjadi responden kajian berdasarkan jantina (lelaki 39 orang pelajar dan perempuan 41 orang pelajar) adalah seperti dalam Jadual 9. Keputusan ujian t berdasarkan jadual 4 di atas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kecerdasan emosi kesemua domain Kecerdasan Emosi berdasarkan jantina di kalangan responden kajian. Ini menunjukkan bahawa antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan mempunyai persamaan dari segi kecerdasan emosi.

Jadual 9 Perbezaan Profil Kecerdasan Emosi Berdasarkan Jantina

Domain EQ Piawai	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Sig. P
Dimensi Kesedaran Diri	Lelaki	39	4.2000	0.40328	0.798	0.427
	Perempuan	41	4.1341	0.32910		
Dimensi Regulasi Kendiri	Lelaki	39	4.0000	0.33245	-1.982	0.051
	Perempuan	41	4.1488	0.33847		
Dimensi Motivasi Kendiri	Lelaki	39	4.0744	0.45290	-0.071	0.944
	Perempuan	41	4.0805	0.31482		
Dimensi Empati	Lelaki	39	4.0872	0.35922	-0.888	0.377
	Perempuan	41	4.1561	0.33470		
Dimensi Kemahiran Sosial	Lelaki	39	4.1205	0.42931	-1.301	0.197
	Perempuan	41	4.2293	0.31164		

Signifikan pada aras $p < 0.05$.

Perbezaan Profil Sikap Pembelajaran Pelajar Responden Kajian Berdasarkan Jantina

Dari segi sikap pembelajaran pelajar yang menjadi responden kajian berdasarkan jantina (lelaki 39 orang pelajar dan perempuan 41 orang pelajar) adalah seperti dalam Jadual 10. Keputusan ujian t berdasarkan jadual 5 di atas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap pembelajaran dari kesemua domain sikap pembelajaran berdasarkan jantina di kalangan responden kajian. Ini menunjukkan bahawa antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan mempunyai persamaan dari segi sikap pembelajaran.

Jadual 10 Perbezaan Profil Sikap Pembelajaran Pelajar Berdasarkan Jantina

Domain Sikap Pembelajaran	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Sig. P
Kognitif dan Pengetahuan	Lelaki	39	4.1212	.039425	0.159	0.874
	Perempuan	41	4.1086	0.31110		
Efektif dan Perasaan	Lelaki	39	4.0564	0.36620	0.091	0.928
	Perempuan	41	4.0448	0.38152		
Tingkah laku	Lelaki	39	3.9231	0.69678	0.273	0.786
	Perempuan	41	3.8878	0.43600		

Signifikan pada aras $p < 0.05$.

Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Responden Kajian dengan Pencapaian Kursus Tamadun Islam

Analisis hubungan antara Kecerdasan Emosi pelajar dengan pencapaian kursus Tamadun Islam adalah seperti Jadual 11. Berdasarkan Jadual 11 menunjukkan hubungan antara Kecerdasan Emosi pelajar dengan pencapaian kursus Tamadun Islam. Untuk mencari hubungan tersebut, aras signifikan $\alpha = 1\%$ atau $\alpha = 0.01$ telah dipilih. Kesemua nilai p yang dicatat adalah lebih besar daripada nilai $\alpha = 0.01$. Ini menunjukkan tidak hubungan yang signifikan antara Kecerdasan Emosi pelajar dengan pencapaian kursus Tamadun Islam di kalangan responden kajian. Dapatan kajian ini bercanggah dengan pandangan Azizi et al (2000) menyatakan bahawa pencapaian akademik yang cemerlang sering dikaitkan dengan kecerdasan dan sikap seseorang pelajar tetapi penekanan kepada aspek emosi dan sikap kurang diberi perhatian yang sewajarnya.

Jadual 11 Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dengan Pencapaian Kursus Tamadun Islam

Hubungan Pemboleh ubah	Nilai Kolerasi (<i>r</i>)	Aras Signifikan (<i>p</i>)	Jumlah Responden
Dimensi Kesedaran Diri	0.101	0.372	80
Dimensi Regulasi Kendiri	0.187	0.096	80
Dimensi Motivasi Kendiri	0.068	0.548	80
Dimensi Empati	-0.017	0.882	80
Dimensi Kemahiran Sosial	0.174	0.123	80

Aras Signifikan, $\alpha = 0.01$ (2 hujung)

Hubungan Antara Sikap Pembelajaran Responden Kajian dengan Pencapaian Kursus Tamadun Islam

Analisis hubungan antara Sikap Pembelajaran pelajar dengan pencapaian kursus Tamadun Islam adalah seperti Jadual 12. Jadual ini menunjukkan hubungan antara Sikap Pembelajaran pelajar dengan pencapaian kursus Tamadun Islam. Untuk mencari hubungan tersebut, aras signifikan $\alpha = 1\%$ atau $\alpha = 0.01$ telah dipilih. Kesemua nilai p yang dicatat adalah lebih besar daripada nilai $\alpha = 0.01$. Ini menunjukkan tidak hubungan yang signifikan antara sikap pembelajaran pelajar dengan pencapaian kursus Tamadun Islam di kalangan responden kajian.

Jadual 12 Hubungan Sikap Pembelajaran dengan Pencapaian Kursus Tamadun Islam

Hubungan Pemboleh ubah	Nilai Kolerasi (<i>r</i>)	Aras Signifikan (<i>p</i>)	Jumlah Responden
Kognitif dan Pengetahuan	-0.016	0.887	80
Efektif dan Pengetahuan	0.096	0.398	80
Tingkah Laku	-0.018	0.872	80

Aras Signifikan, $\alpha = 0.01$ (2 hujung)

PENUTUP

Hasil analisis daripada kajian yang diperoleh secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi dan sikap pembelajaran dalam kalangan responden kajian adalah tinggi. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kecerdasan emosi di kalangan sampel kajian berdasarkan gender. Begitu juga dengan sikap pembelajaran dalam kalangan sampel kajian berdasarkan gender, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari kesemua domain sikap pembelajaran. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa, tidak terdapat hubungan di antara kecerdasan emosi dan sikap pembelajaran dengan pencapaian pelajar kursus Tamadun Islam. Kecerdasan emosi dan sikap banyak mempengaruhi proses pembelajaran seseorang pelajar sama ada di dalam ataupun di luar kelas. Kecerdasan emosi dan sikap juga membawa kepada implikasi terhadap pencapaian akademik pelajar. Walaupun dapatan kajian ini tidak menunjukkan hubungan antara kecerdasan emosi terhadap pencapaian pelajar, banyak kajian lain yang dilakukan terhadap pelbagai subjek mata pelajaran menunjukkan hubungan yang signifikan. Bagi mencaipkan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, aspek ini perlu ditekankan supaya keseimbangan berlaku dalam sistem pendidikan.

RUJUKAN

- Ahmad Shukri Mohd Nain. 2004. *EQ memudahkan pengurus*. Dalam Mohd Azhar Abd Hamid. 2004. Panduan meningkatkan kecerdasan emosi. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Amira Shuhaida Zainuddin. 2009. *Kecerdasan emosi dan sikap pembelajaran Ekonomi Asas serta implikasinya terhadap pencapaian: Kajian di daerah Kemaman*. Projek Penyelidikan Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azhar Ahmad. 2006. *Strategi pembelajaran dan pengaturannya sendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah*. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon & Nordiana Mohd Nor. 2000. *Hubungan kecerdasan emosi dengan prestasi pencapaian akademik*. Jurnal Pendidikan. Fakulti Pendidikan UTM.
- Cohen, J. & Cohen, P. 1975. *Applied Multiple Regression/ Correlation Analysis for the behavioral Sciences*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Pub.
- Goleman, D. 1995. *Emotional intelligence: why it can matter more than IQ*. New York: Bantam Books.
- Goleman, D. 1996. *What's your emotional IQ?* Reader's Digest. May, hal 17-20.
- Goleman, D. 1999. *Working with emotional intelligence*. New York: Bantam Books.
- Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub. 1997. *Psikologi personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James, Poon Teng fatt. 2002. *Emotional Intelligence: For Human Resource Managers*. Management Research News. 25 (11). 57-74.
- Jamil Ahmad. 2002. Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: satu penilaian. Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Joseph, F. H., Earl, B. dan Freud, H. 1997. *Explaining social issues*. London: Pine Forge Press.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1990. *Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mayer, J. D., Caruso, R. & Salovey, P. 1999. *Emotional intelligence meets traditional standards for an intelligence*. *Intelligence* 27: 267-298.
- Mayer, J. D. dan Cobb, C. D. 2000. *Educational policy on emotional intelligence: does it make sense?* *Educational psychology review* 12: 163 – 183.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid (2004). *EQ panduan meningkatkan Kecerdasan Emosi, siri pembangunan diri*. Bentong Pahang. PTS Publications
- Mohd Majid Konting. 2005. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Najib Ghafar. 2000. *Kestabilan emosi guru: Perbandingan antara pensyarah dan pelajar*. *Jurnal Teknologi*. 32 32 (E): 1-10.
- Mohd Nazar Mohamed. 1992. *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkahlaku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Norasmah Othman. 2001. *Keberkesanan program keusahawanan remaja di sekolah menengah*. Tesis Ph. D. Universiti Putera Malaysia.
- Noriah, M. I., Zuria, M., Siti Rahayah, A. 2005. *Understanding emotional intelligence of Malaysian teachers*. *Proceeding untuk 12 th International Conference (ISATT) 2005*: 454-461.
- Noriah, M. I., Zuria, M., Siti Rahayah, A., Ramli, M., Ruhizan, M. Y., Norzaini, A., & Ruslin, A. 2004. *IRPA Executive Report MOSTI*.
- Norizan Abdul Razak. 2003. *Computer competency of in-service ESL teachers in Malaysian secondary school*. Tesis Dr. Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Asyiqin Najmuddin. 2005. *Sikap dan kerisauan pelajar matrikulasi terhadap pengajaran dan pembelajaran matematik dalam Bahasa Inggeris*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Prakas Rao Apparao. 2001. *Perkaitan di antara kecerdasan emosi dengan prestasi akademik mahasiswa dan mahasiswi di UTM*. Projek Sarjana Muda UTM.
- Rosenberg, M. J. & Hovland, C. I. 1960. *Attitude Organization and Change*. New Haven: Yale University Press.
- Sanitah Mohd Yusof. 2004. *Peranan EQ dalam pendidikan. Dalam Mohd Azhar Abd Hamid. Panduan meningkatkan kecerdasan emosi*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sumarni Junin. 2000. *Kebimbangan dan punca-punca kebimbangan di kalangan pelajar sebuah sekolah menengah harian Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Universiti Malaya.
- Zainuddin Bin Haji Yusoff (2000). *Hubungan Kecerdasan Emosi Dengan Kepimpinan: Tinjauan Di Kalangan Pemimpin-pemimpin Pelajar Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Projek Sarjana Muda. UTM. Tidak Diterbitkan

Biodata Penulis

Nor Hayati Fatmi Talib, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (Kumpulan Latihan), Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (yati_6709@yahoo.com)

Bani Hidayat Mohd Shafie, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (bani_3738@yahoo.com)

Alias Mat Saad (Ph.D), Jabatan Pengajian Am, Politeknik Port Dickson (alias@polipd.edu.my)

Ab Halim Tamuri (Ph.D dan Profesor Madya), Perkaedahan dan Amalan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (tamuri67@yahoo.com.my)